

Oleh Muhaamad Haffis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

KES ADIB

Panggil dua saksi

Kuala Lumpur

Dua saksi pakar forensik dan fizik akan dipanggil dalam masa terdekat bagi membantu siasatan berhubung kematian anggota bomba Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, individu terbabit ialah Perunding Kanan Patologi Forensik United Kingdom Prof Dr Shahrom Abd Wahid dan Pakar Fizik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dr Amir Radzi Ab Ghani.

Menurutnya, seramai 28 daripada 30 saksi sepanjang inkuis itu sudah dirakam percakapan oleh polis ketika siasatan dibuat mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan.

"Polis juga sudah menerima arahan dari Pejabat Peguam Negara pada 4 Oktober lalu untuk meneruskan siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Kita juga sudah membuat temujanji dengan beberapa saksi di mana hari ini (semalam) seorang saksi sudah membuat temujanji untuk membantu polis memberi keterangan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, semalam.

Huzir berkata, polis juga meminta 56 daripada 66 individu yang disiarkan gambar mereka sebelum ini untuk tampil membantu polis berkaitan kes Adib.

Beliau berkata, setakat ini hanya 10 individu sudah memberi maklum balas kepada polis.

"Saya juga meminta semua pihak berhenti membuat spekulasi berhubung empat suspek yang terbabit dalam kes pembunuhan Adib.



MUHAMMAD Adib

